

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 12 OGOS 2015 (RABU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                         | <b>Akhbar</b>     |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.         | Kukuhkan pertahanan siber, lindungi sektor maklumat kritikal dari penggodam – Madius | BERNAMA           |
| 2.         | PDRM, INTERPOL jejak 'Anonymous' bersama                                             | Berita Harian     |
| 3.         | Anonymous Malaysia ancam serang siber 29, 30 Ogos                                    | Sinar Harian      |
| 4.         | Security beef-up after threat by Anonymous Malaysia                                  | The Star          |
| 5.         | Warga politeknik perlu tarik minat pelajar                                           | Utusan Malaysia   |
| 6.         | Graduan harus kreatif teroka sesuatu yang baharu – Abu Bakar                         | BERNAMA           |
| 7.         | SIRIM diberi peranan mantapkan PKS                                                   | Utusan Malaysia   |
| 8.         | Kepentingan aplikasi teknologi kepada PKS                                            | Utusan Malaysia   |
| 9.         | Audit Teknologi bolehkan PKS perbaiki kelemahan                                      | Utusan Malaysia   |
| 10.        | Kerjasama Institut Fraunhofer, SIRIM untungkan syarikat tempatan                     | Utusan Malaysia   |
| 11.        | Warning of strong winds, rough seas                                                  | New Straits Times |
| 12.        | Penang hot by heavy rain and strong winds                                            | Malay Mail        |
| 13.        | Decisions on PAC today                                                               | The Star          |
| 14.        | Paradigm shift needed in global R&D                                                  | New Straits Times |
| 15.        | Bank Islam fokus pertumbuhan organik, kukuhkan prestasi                              | Utusan Malaysia   |



## Kukuhkan Pertahanan Siber, Lindungi Sektor Maklumat Kritikal Dari Penggodam - Madius

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Semua organisasi di bawah Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) digesa agar memperkukuh sistem pertahanan siber komputer masing-masing menggunakan perisian terkini dan 'patch' keselamatan bagi melindungi daripada digodam oleh penjenayah siber.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Wilfred Madius Tangau** berkata tindakan itu merupakan langkah untuk menaik taraf sistem komputer di setiap organisasi daripada serangan siber oleh sekumpulan penjenayah yang dikenali sebagai 'Anonymous'.

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab bagi memastikan ruang siber negara selamat dan terhindar daripada pelbagai ancaman atau serangan siber, **MOSTI melalui CyberSecurity Malaysia dan MIMOS Berhad (MIMOS)** terus berusaha dan secara proaktif dalam menangani isu-isu berkaitan keselamatan siber," katanya dalam kenyataan di sini Selasa.

Dalam konteks siber, CyberSecurity Malaysia memberi perkhidmatan teknikal kepada 10 sektor CNII yang terdiri daripada sektor pertahanan dan keselamatan; perbankan dan kewangan; maklumat dan komunikasi; tenaga, air, pengangkutan, kesihatan, makanan dan pertanian serta perkhidmatan kerajaan dan perkhidmatan kecemasan sebagaimana termaktub dalam Dasar Keselamatan Siber Negara (NCSP).

"MIMOS sebagai agensi penyelidikan dan pembangunan ICT negara turut membangunkan teknologi keselamatan lebih maju dalam usaha melindungi infrastruktur IT di dalam sesebuah organisasi daripada serangan dalaman dan luaran serta bertujuan menjejak pergerakan dokumen atau maklumat yang dibocorkan," katanya.

Madius turut menekankan kepada pentadbir rangkaian komputer agar mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam mengendalikan sesebuah insiden ancaman siber yang dihadapi oleh organisasi mereka.

"Kepakaran boleh diperoleh melalui program-program latihan kepakaran yang ditawarkan oleh CyberSecurity Malaysia seperti latihan kepakaran dalam bidang forensik digital dan latihan kepakaran tindak balas keselamatan siber," katanya.

Orang ramai juga diminta untuk melaporkan insiden serangan siber kepada pihak berkuasa berkaitan atau Pusat Bantuan Cyber999 menerusi alamat email: [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my).

-- BERNAMA

# PDRM, INTERPOL jejak 'Anonymous' bersama

» Turut jalin  
kerjasama, kongsi  
maklumat dengan  
pihak berkuasa  
antarabangsa

Oleh Safeek Affendy Razali  
dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**enjenayah siber yang memperkenalkan diri mereka 'Anonymous' dan merancang menggodam laman web agensi kerajaan, dipercayai didalangi rakyat tempatan yang bersekongkol dengan penggodam antarabangsa.

Menurut polis, risikan mendapati kumpulan itu mempunyai jaringan dengan penjenayah siber antarabangsa serta mempunyai keupayaan membolosi laman web agensi kerajaan yang dikategorikan sebagai lemah.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (Siber dan Siasatan Multimedia) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Kamarudin Md Din, berkata siasatan mendapati kumpulan itu juga dipercayai mahu menimbulkan huru-hara dalam sistem komputer kerajaan.

"Kita juga sedang menyiasat sama ada tarikh serangan yang di-



Kamarudin Md Din

tetapkan iaitu 29 dan 30 Ogos ini ada kaitan dengan penganjuran perhimpunan BERSIH 4.0 pada hari sama.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang bekerjasama dengan Polis Antarabangsa (INTERPOL) dan pihak berkuasa jenayah siber di luar negara untuk berkongsi maklumat dan membantu kita menjejaki anggota kumpulan 'Anonymous'," katanya kepada BH.

Beliau mengulas laporan muka depan akhbar ini semalam, yang mendedahkan rancangan 'Anonymous' menerusi video berdurasi lapan minit dalam bahasa Inggeris loghat British, mengancam menyerang laman web agensi kerajaan pada akhir bulan ini.

Antara laman web yang disasarkan kumpulan itu ialah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah



Madius Tangau

Malaysia (SPRM), 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan PDRM.

Kumpulan itu yang pernah melancarkan serangan siber di China dan Israel sebelum ini, menuntut supaya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak meletak jawatan sebelum tarikh berkenaan.

## Siasat motif utama

Kamarudin berkata, pihaknya sedang menyiasat sama ada motif utama 'Anonymous' adalah untuk menggodam laman web kerajaan atau hanya ingin mengambil kesempatan dengan situasi semasa negara.

"Kita memandang serius terhadap ancaman kumpulan ini selain sedang meneliti dan menganalisis rakaman video ancaman



Keratan muka depan BH semalam.

mereka dalam Facebook sejak beberapa hari lalu.

"Kita yakin dapat memburu anggota tempatan kumpulan ini sebelum mereka memulakan rancangan melumpuhkan laman web kerajaan," katanya.

Pada tahun 2011, Anonymous menyerang laman web Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Parlimen Malaysia dan Perbendaharaan.

Kamarudin tidak menolak kemungkinan kumpulan sama turut menggodam laman media sosial Facebook PDRM pada 13 Julai lalu.

## Perkukuh sistem

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau, menggesa semua or-

ganisasi di bawah Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) supaya memperkuat sistem pertahanan siber mereka bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui CyberSecurity Malaysia dan MI-MOS Berhad, sentiasa berusaha menangani isu berkaitan keselamatan siber," katanya.

Sepuluh sektor di bawah CNII adalah Pertahanan dan Keselamatan, Perbankan dan Kewangan, Maklumat dan Komunikasi, Tenaga, Air, Pengangkutan, Kesihatan, Makanan dan Pertanian, Perkhidmatan Kerajaan dan Perkhidmatan Kecemasan sebagai mana termaktub dalam Dasar Keselamatan Siber Negara (NCSP).

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 12 OGOS 2015 (RABU)**

## Anonymous Malaysia ancam serang siber 29, 30 Ogos

**SHAH ALAM** – Satu kumpulan menggelarkan diri mereka 'Anonymous Malaysia' memuat naik video mahu mengancam Kerajaan Malaysia dan mengisytiharkan perang terhadap Perdana Menteri melalui *Facebook* rasmi kumpulan itu, pada 4 Ogos lalu.

Dalam video terbabit, kumpulan itu mengisytiharkan perang internet terhadap Kerajaan Malaysia dan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri dan menjangkakan serangan akan berlaku pada 29 hingga 30 Ogos

ini, bermula 6 petang hingga 5 petang keesokannya.

Kumpulan itu memberi amaran, serangan dibuat selaras dengan demonstrasi Bersih 4.0 yang dijangkakan berlaku pada tarikh sama.

Pada tarikh itu, kumpulan tersebut menamakan beberapa laman web yang akan dijadikan sasaran serangan termasuk portal rasmi Perdana Menteri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia selain 150 portal web yang terpilih.

Penggodam mendakwa,



**Video dimuat naik Anonymous Malaysia mengancam serangan terhadap Perdana Menteri dan laman web kerajaan.**

pentadbiran Najib membawa Malaysia ke ambang kejatuhan selain menyalahkan Perdana

Menteri itu terhadap kejatuhan ekonomi serta rasuah.

Kumpulan terbabit me-

nyatakan Najib gagal membalas tuduhan berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selain menjeremahkan insiden lain yang berlaku beberapa bulan lalu termasuk rusuhan di Plaza Low Yat dan kebakaran di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Dalam pada itu, dalam satu kenyataan media, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menggesa organisasi di bawah Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) memperkukuhkan sistem pertahanan siber i

masing-masing.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, Mosti bertanggungjawab memastikan keselamatan ruang siber negara selamat dan terhindar daripada ancaman siber.

"Organisasi CNII diingatkan menaik taraf sistem komputer dan 'patch' keselamatan," katanya.

Madius berkata, Mosti melalui Cyber Security Malaysia dan Mimos Berhad sentiasa berusaha dan bertindak proaktif menangani isu berkaitan.

## Security beef-up after threat by Anonymous Malaysia

By NICHOLAS CHENG  
nicholascheng@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Security at the information networks of 10 vital public sector agencies have been ordered to be tightened after hacktivist group Anonymous Malaysia threatened to launch an "all-out Internet war" against the Government.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Madius Tangau said security specialists CyberSecurity Malaysia and Mimos Bhd were taking proactive measures.

The measures include looking for and plugging system loopholes, providing technical support to the agencies and running drills that would help prepare for hacking attacks.

He said Mimos, as the national ICT (information and communications technology) research and development agency, would provide advanced security technologies.

The ministry had also told the agencies to upgrade their software and ensure that the security patches for their computer systems were up-to-date, he said in a statement.

Among the 10 are agencies for defence and security; banking and finance; information and communications; energy; water; transportation; health and emergency services; as well as food and agriculture.

"If they take control of the network at any one of these agencies, it can affect the running of the country," said a source at the ministry.

The source said the Government was prepared for any eventuality.

"We always plan for the worst and have regular crisis simulation drills," said the source.

Anonymous Malaysia posted an eight-minute video on its Facebook page on Aug 4, calling for the resignation of the Prime Minister over recent issues.

The group threatened to wage an "all-out Internet warfare" on the police, the Malaysian Anti-Corruption Commission and 150 websites that it has "strategically selected".

It said the day-long cyber attacks would begin on Aug 29 to coincide with the Bersih 4.0 demonstrations in Kuala Lumpur over alleged corruption.

## Warga politeknik perlu tarik minat pelajar

**ARAU 11 Ogos** - Kerajaan meminta warga politeknik di negara ini melakukan pelbagai usaha bagi menarik minat dan meningkatkan lagi jumlah kemasukan pelajar yang berkualiti ke institusi berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, menerusi usaha itu akan dapat menyumbang peningkatan pencapaian politeknik yang cemerlang.

"Ini bagi melahirkan graduan politeknik yang lebih berdaya saing serta kompetitif untuk menjaga ekonomi negara berpendapatan tinggi," katanya ketika berucap pada Sidang Kedua Majlis Konvokesyen Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) di Dewan Harumanis PTSS Pauh Putra, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah PTSS Pauh Putra, Sulong Yahaya.

Sebanyak 1,377 graduan dianugerahkan diploma dan sijil sempena Konvokesyen PTSS selama dua hari sejak semalam.

PTSS menawarkan enam bidang pengajian iaitu Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Pelancongan dan Hospitaliti, Rekabentuk dan Komunikasi Visual serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Abu Bakar seterusnya berkata, beliau yakin usaha melahirkan graduan politeknik yang berdaya saing itu dapat direalisasikan dengan penumpuan kepada kaedah pengajaran yang terkini dan transformatif menerusi pengukuhan kurikulum.

"Perkara ini telah kita laksanakan secara berterusan termasuk oleh ahli-ahli akademik, pakar-pakar dari sektor industri dan pemegang amanah yang lain," katanya.

Pada masa sama beliau me-



**ABU BAKAR MOHAMAD DIAH**

minta semua pihak berganding bahu dalam usaha mengembangkan bakat teknikal, inovasi dan kreativiti pelajar supaya dapat menjayakan Dasar Transformasi Negara.

Beliau berkata, kerjasama, kerja berpasukan serta perancangan yang sistematik mestilah menjadi prinsip utama dalam amalan kerja seharian.

"Jika diamalkan oleh seluruh warga politeknik, sistem pendidikan akan terus hidup dan setanding dengan kualiti pendidikan negara-negara lain," katanya.

Abu Bakar juga berharap, para graduan akan menunjukkan prestasi cemerlang serta menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara melalui kemahiran dan kepakaran masing-masing.



**GRADUAN** Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) yang memperolehi keputusan cemerlang merakamkan kenangan manis selepas Majlis Konvokesyen PTSS di Dewan Harumanis PTSS Pauh Putra, Arau, Perlis, semalam.



## Graduan Harus Kreatif Teroka Sesuatu Yang Baharu - Abu Bakar

ARAU, 11 Ogos (Bernama) -- Para graduan harus terus berfikir dan berbudaya kreatif serta inovatif untuk mencari dan meneroka sesuatu yang baharu, kata [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.](#)

Beliau berkata budaya itu perlu diterapkan dalam diri graduan agar ilmu dan kemajuan terus berkembang dalam menghadapi cabaran persekitaran dunia hari ini yang semakin kompleks dan kompetitif.

Abu Bakar berkata para graduan juga perlu memantapkan nilai-nilai insaniah dan budaya minda kelas pertama dalam diri kerana mereka merupakan pemangkin kepada inovasi dalam mencapai matlamat pembangunan negara.

"Kita tidak mahu ketinggalan dalam mana-mana aspek kerana kekurangan modal insan mahir akan melemahkan daya saing negara di peringkat global," katanya ketika berucap pada hari kedua Majlis Konvokesyen Kesembilan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Ulu Pauh di sini hari ini.

Beliau berkata graduan masa kini juga diharapkan mempunyai kemahiran tinggi dalam alam pekerjaan serta mempunyai nilai yang dapat memenuhi keperluan industri dan pasaran kerja.

"Saya percaya dan benar-benar berharap agar graduan yang dihasilkan oleh PTSS adalah graduan cemerlang, mempunyai minda kelas pertama, berdaya saing, berpengetahuan, berintegriti, memiliki kekuatan serta personaliti yang baik agar mampu menyahut cabaran negara," katanya.

Terdahulu, Pengarah Pusat Penyelidikan Inovasi Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik, Dr. Abdul Rahim Ahmad dalam ucapannya mewakili Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar berkata politeknik telah melahirkan 300,000 tenaga kerja mahir di peringkat diploma sejak 2010.

Sebanyak 1,377 graduan PTSS menerima diploma dan sijil pada majlis konvokesyen kali ini.

-- BERNAMA

# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 8 TARIKH : 12 OGOS 2015 (RABU)

## SIRIM di beri peranan mantapkan PKS

**S**IRIM Berhad (SIRIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang memberi tumpuan kepada kualiti dan teknologi perindustrian dalam negara.

Sebagai agensi yang terlibat dalam mengaudit dan menentu ukur peralatan dan teknologi industri, SIRIM sentiasa meningkatkan peranan yang dimainkannya.

Terbaharu, agensi tersebut telah diberi mandat oleh kerajaan untuk meningkatkan penembusan teknologi dan menaik taraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia dengan matlamat untuk meningkatkan produktiviti industri.

Dikenali sebagai program inisiatif Penjenamaan Semula SIRIM, agensi tersebut ditugaskan bagi membantu negara meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang kini hanya berlegar sekitar 2.34 peratus sahaja berbanding negara-negara lain yang lebih tinggi.

Menurut Naib Presiden Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Teknologi agensi tersebut, Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman, SIRIM adalah sebuah institusi penyelidikan lengkap yang dapat membantu usahawan dan pihak industri secara menyeluruh, sekali gus membantu meningkatkan taraf ekonomi negara ini.

"la selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dan rakyatnya berpendapatan tinggi, yang mana inovasi dan teknologi adalah elemen penting untuk merealisasikan itu."

"Untuk tujuan tersebut SIRIM telah bekerjasama dengan Institut Fraunhofer di Jerman bagi mengadaptasi model dari negara maju di bidang industri tersebut untuk digunakan di Malaysia," katanya.

Institut Fraunhofer merupakan sebuah pertubuhan penyelidikan dan penyelidikan terbesar di Eropah. Di dalam pembentangan Bajet 2015, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan inisiatif untuk menjenamakan semula SIRIM untuk memberi fokus kepada penguasaan teknologi, penambahbaikan dan pengauditan PKS agar dapat berkembang ke arah yang lebih baik.

Inisiatif tersebut digariskan di bawah Model Inovasi Perindustrian SIRIM yang dilihat dapat mengukuhkan hubungan antara SIRIM dan PKS dalam usaha untuk



MEMORANDUM Persefahaman (MoU) antara SIRIM dan Fraunhofer telah ditandatangani oleh Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd Yusof dan Ahli Lembaga Pengarah Institut Fraunhofer, Dr. Lorenz Kaiser pada 2 Disember lalu di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

mewujudkan ekosistem inovasi PKS yang berjaya.

Jelas Dr. Mohamad Jamil, pihaknya telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Institut Fraunhofer pada bulan Disember lalu yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri.

"Menerusi kolaborasi tersebut, SIRIM akan bekerjasama dengan institut tersebut untuk meningkatkan keupayaan PKS menerusi penglibatan mereka dalam program kajian dan perkhidmatan teknikal bersama."

"Selain itu, kita juga akan bertukar-tukar maklumat, kemahiran, kajian terhadap strategi inovasi, pemasangan dan implementasi projek-projek R&D bagi membantu pihak industri terutamanya pembangunan usahawan, kerjasama organisasi dalam mengadakan persidangan, bengkel dan juga seminar," katanya.

Bersama institut itu, SIRIM membangunkan model baharu iaitu Model Inovasi Perindustrian yang memfokus kepada kajian dan penyelidikan guna terhadap sektor-sektor yang kritikal dan juga perkhidmatan inovasi.

Menerusi model tersebut, pelbagai pihak dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan seperti penglibatan pihak industri dan jaringan pelbagai institusi, institusi serta universiti.

Penggunaan inisiatif serampang dua mata membolehkan semua kategori perusahaan bermula dari kecil sehingga ke sederhana dapat dibantu dengan lebih berkesan. Inisiatif tersebut adalah meningkatkan adaptasi teknologi terkini oleh PKS kecil dan mikro serta mengukuh

dan menaik taraf aplikasi teknologi sedia ada kepada yang lebih baik oleh PKS sedia ada.

Terdapat lapan teras utama menerusi program yang diperkenalkan oleh SIRIM iaitu Pengurusan Implementasi Inovasi yang mengutamakan proses pengauditan teknologi (analisis nilai rantaian).

Tujuan proses mengaudit teknologi tersebut adalah bagi mengenal pasti keperluan teknologi yang sebenar oleh PKS serta memastikan kesesuaian teknologi yang digunakan.

Kedua, meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan pemain-pemain utama PKS bagi memastikan kelancaran serta keberkesanan dalam proses pengeluaran produk sekali gus dapat meningkatkan produktiviti sesebuah PKS.

Fokus program tersebut adalah

pada automasi, mekanisasi, penambahbaikan teknologi, penumpuan terhadap penghasilan alat ganti dan komponen menggunakan teknologi tempatan (kurang kos) serta menyelesaikan masalah industri.

Ketiga adalah meningkatkan pengkomersialan teknologi dan penambahbaikan terhadap produk kejuruteraan dan prototaip, proses keselamatan, kajian kemungkinan dan percubaan di lapangan.

Program itu menyasarkan peningkatan langkah pengkomersialan dengan menjadikan sebarang produk inovasi yang masih di dalam bentuk prototaip diperhalusi sehingga berjaya dikomersialkan secepat mungkin.

Keempat adalah kajian strategik terhadap aplikasi masa depan yang memfokus ke arah projek kajian

yang berpotensi untuk dikembangkan dalam jangka masa lima hingga 10 tahun akan datang.

Kajian tersebut membolehkan industri sentiasa dapat menawarkan teknologi baharu dan terkini dengan stabil pada masa yang tepat mengikut arah aliran masa kini.

Antara yang bakal menjadi tumpuan pada masa akan datang adalah teknologi berkaitan perubahan, tenaga dan alam sekitar serta perkilangan dan mesin.

Seterusnya adalah bagi menggalakkan pertumbuhan PKS kecil dan mikro, latihan kepada vendor, pembangunan usahawan, pembungkusan dan penglabelan produk, penasihat teknikal untuk pembangunan produk serta proses pembuatan.

Bagi memastikan usaha penjenamaan tersebut benar-benar

berkesan, pasaran bagi industri juga perlu diberi perhatian serta penembusan kepada pasaran-pasaran baharu juga perlu diterokai.

Untuk memastikan penembusan pasaran-pasaran baharu terutamanya di peringkat global, program meningkatkan kepelbagaian pensijilan, pemeriksaan, ujian serta perkhidmatan penentu ukur peralatan turut dilaksanakan.

Dalam pada itu, pengembangan standard dan spesifikasi, maklumat teknologi dan pasaran, hak harta intelek, pendidikan dan latihan, pengantarabangsaaan perkhidmatan juga perlu dipertingkatkan.

Terakhir adalah program sokongan bagi memastikan semua inisiatif tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar serta mendapat sokongan daripada semua pihak yang terlibat.



"la selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dan rakyatnya berpendapatan tinggi, yang mana inovasi dan teknologi adalah elemen penting untuk merealisasikan itu."

IR. DR. MOHAMAD JAMIL SULAIMAN  
Naib Presiden Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Teknologi, SIRIM



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 9**  
**TARIKH : 12 OGOS 2015 (RABU)**

**Kepentingan aplikasi teknologi kepada PKS**



GranuMaS® merupakan bahan-graf tulang sintetik yang diperbuat daripada *hydroxyapatite*. Produk ini mempunyai komposisi kimia yang hampir menyerupai tulang manusia, membuatkan ia paling sesuai untuk perubatan atau pembaikan gigi dan tulang. GranuMaS® adalah antara inovasi SIRIM yang berjaya dikomersialkan. Pada tahun 2010, ia menembusi pasaran di bawah syarikat GranuLab Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Sindora Berhad. GranuMaS® kini boleh didapati di hospital tempatan.



"Bagi kami teknologi mestilah menjadi pemudah cara kepada tugas, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti. Jika teknologi yang digunakan tidak dapat melakukan ketiga-tiga perkara tersebut maka teknologi tersebut tidak tepat untuk organisasi tersebut."

**TAUFIQ ROSIDI**  
Ketua Pegawai Strategik, SERVCO  
Resources Sdn. Bhd.



SIRIM membantu Petroclamp Sdn. Bhd. dengan perkhidmatan reka bentuk dan pengujian alat *Downhole Controline Protector*, pelindung dwikabel pertama di dunia dan pertama direka bentuk dan dipatenkan di Malaysia.

Dengan sokongan oleh PETRONAS, Petroclamp Sdn. Bhd. telah berjaya menerima pesanan alat tersebut daripada Schlumberger, syarikat gergasi dalam industri minyak dan gas. Kini, Petroclamp telah diiktiraf sebagai vendor berasaskan pembuatan di dalam industri minyak dan gas.

# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT TARIKH : 12 OGOS 2015 (RABU)

## Audit Teknologi bolehkan PKS perbaiki kelemahan

**PENGUKUHAN** ekonomi sesebuah negara maju amat berkait rapat dengan prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Bagi memastikan penguasaan ekonomi sentiasa stabil, Malaysia perlu menjadi sebuah negara pengeluaran yang memiliki produktiviti yang tinggi dan efektif.

Untuk tujuan tersebut, pemain-pemain industri dalam negara perlu sentiasa menambah baik teknologi yang digunakan agar produktiviti mereka berkembang dengan lebih baik.

Namun, bagaimanakah mereka dapat memastikan teknologi yang digunakan adalah berkesan serta sesuai dengan perkembangan tren industri global?

Di sinilah peri pentingnya sebuah badan khas melaksanakan audit khas bagi memastikan status teknologi yang digunakan berseesuaian dengan keperluan pihak industri.

Menurut Pengarah Kanan, Flagship Loji dan Mesin, SIRIM, Dr. Wan Abdul Rahman Jauhari Wan Harun, tujuan audit tersebut adalah untuk menilai sesebuah syarikat dari segi keupayaan dan kapasiti pengurusan teknologi mereka.

Ujarnya, audit tersebut akan memberi maklumat dan kefahaman kepada pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai kekuatan dan kelemahan mereka serta faktor serta potensi untuk penambahbaikan.

"SIRIM telah diberi mandat oleh kerajaan untuk meningkatkan penembusan teknologi dan menaik taraf PKS di negara ini dengan matlamat untuk meningkatkan produktiviti industri.



Audit tersebut akan memberi maklumat dan kefahaman kepada pihak Industri Kecil Sederhana (IKS) mengenai kekuatan dan kelemahan mereka serta faktor serta potensi untuk penambahbaikan."

**DR. WAN ABDUL RAHMAN JAUHARI WAN HARUN**  
Pengarah Kanan, Flagship Loji dan Mesin, SIRIM



PENERANGAN tentang Program Audit Teknologi kepada syarikat-syarikat PKS.

"Audit teknologi merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah program tersebut," katanya.

Jelas Dr. Wan Abdul Rahman Jauhari, audit tersebut memberikan pemahaman kepada pengurusan PKS mengenai kekuatan dan kelemahan mereka serta potensi penambahbaikan.

"Inisiatif tersebut dibangunkan khusus untuk PKS di Malaysia oleh SIRIM dengan bantuan kerjasama dari Institut Fraunhofer."

Institusi itu juga merupakan sebuah pertubuhan penyelidikan gunaan terbesar di Eropah dan memiliki rekod pencapaian yang cemerlang di dalam pelbagai program pengurusan teknologi dan inovasi di negara tersebut serta beberapa tempat di seluruh dunia," katanya.

Tambahnya, hasil audit akan membantu PKS untuk membentuk pelan tindakan bagi mempertingkatkan produktiviti dan meningkatkan keupayaan pengurusan teknologi serta meningkat naik dalam rantai nilai.

Terdapat banyak aspek lain dalam hasil penemuan, cadangan dan aktiviti susulan daripada program audit teknologi yang dijalankan yang berguna kepada syarikat dalam usaha untuk menjadi lebih berdaya saing, inovatif dan produktif selain membolehkan produk PKS lebih mudah diperolehi di pasaran.


Proses mengaudit juga membuka peluang kepada peserta audit yang terlibat untuk bekerjasama dengan SIRIM dalam meningkatkan keupayaan teknologi mereka.

"Di pihak SIRIM, kami akan melaksanakan kempen kesedaran kepada pihak industri agar memahami dan cuba untuk terlibat.

"Untuk pengetahuan semua, pendaftaran adalah percuma selain mereka (PKS) meneroka peningkatan potensi seperti melalui penggunaan mesin, automasi dan penskalaan," katanya. SIRIM mensasarkan bilangan syarikat untuk diaudit pada tahun ini sebanyak 150 buah PKS.

Setiap peserta juga akan dinilai kesediaan mereka untuk melaksanakan kajian dan pengembangan (R&D) serta mengenal pasti bidang yang terlibat.

SIRIM menurut Dr. Wan Abdul



Rahman, akan bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi melalui pusat Inovasi Perindustrian (IC-I) bagi menyediakan penyelesaian yang komprehensif serta boleh dipercayai peserta.

Tentu ramai dalam kalangan pihak industri tertanya-tanya apakah komponen yang diaudit, menurut SIRIM asas audit yang dilaksanakan adalah pengurusan teknologi syarikat.

"Pengurusan teknologi di dalam konteks ini boleh ditakrifkan sebagai pengurusan pengetahuan teknologi dan semua aktiviti yang berkaitan dengan peningkatan daya saing teknologi syarikat.

"Kami juga akan melihat kesesuaian teknologi yang ingin dilabur oleh syarikat tersebut di masa-masa akan datang agar mereka tidak menanggung kerugian yang besar akibat tersalah membeli

teknologi yang tidak diperlukan," katanya.

Ringkasnya, audit teknologi dibahagikan kepada enam komponen utama PKS iaitu produktiviti, trend atau arah aliran dalam proses dan kaedah, pengurusan teknologi, pekerja, organisasi dan strategi teknologi.

Kesemua komponen tersebut diukur mengikut empat tahap matang iaitu produktiviti dinilai dari segi bahan, buruh, tenaga dan modal.

Bagi trend dalam proses dan kaedah dinilai dari segi kesedaran trend teknologi, aktiviti pesaing, keperluan pelanggan serta trend ekologi serta masyarakat.

Aspek pengurusan teknologi menilai pembangunan idea syarikat dan bagaimana mereka menguruskan teknologi sama ada melalui pembangunan, pemerolehan, eks-

ploitasi atau pengoptimuman.

Dari segi organisasi dan rangkaian, PKS akan dinilai dari tahap kecekapan menguruskan projek dan sebagainya.

Pengaudit yang dilantik adalah terdiri daripada pasukan jurutera dan penyelidik SIRIM yang telah dilatih oleh pakar-pakar daripada Institut Fraunhofer.

Buat masa ini, penyertaan dalam Program Audit Teknologi terbuka kepada semua PKS di Malaysia terutamanya mereka yang terlibat dalam industri pembuatan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun.

Apa yang menarik, ke semua kos berkaitan dengan audit akan ditanggung oleh kerajaan dan syarikat yang mengambil bahagian secara sukarela akan diberi keutamaan mengikut asas tiba dahulu layan dahulu.

**SAMBUNGAN...**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT**  
**TARIKH : 12 OGOS 2015 (RABU)**

**Ringkasan  
Program  
Audit Teknologi**

1. Industri yang boleh diaudit di bawah program ini
  - > Audit Teknologi terbuka kepada semua PKS Malaysia yang terlibat dalam pembuatan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun.
  - > Syarikat mengambil bahagian secara sukarela dan akan diberi keutamaan mengikut asas tiba dahulu, layan dahulu.

2. Kriteria yang dikaji dan proses yang terlibat di dalam sesi Audit Teknologi

**Produktiviti**

- > tahap produktiviti semasa PKS dinilai dari segi bahan, buruh, tenaga dan modal

**Trend dalam proses dan kaedah**

- > mengkaji kesedaran trend teknologi, aktiviti pesaing, keperluan pelanggan memuncul serta trend ekologi dan masyarakat

**Pengurusan teknologi**

- > menilai pembangunan idea syarikat dan bagaimana ia menguruskan teknologi - sama ada melalui pembangunan, pemerolehan, eksploitasi atau pengoptimuman

**Pekerja**

- > pengambilan pekerja
- > kecekapan dan motivasi serta program pengekalan pekerja

**Organisasi/rangkaian**

- > tahap pengurusan projek
- > bagaimana kecekapan tugas dan tanggungjawab digunakan
- > bagaimana rangkaian diwujudkan untuk mengeksplotasi sepenuhnya teknologi yang berkaitan

**Strategi teknologi**

- > aspek kesempurnaan strategi teknologi
- > perkembangan teknologi yang digunakan
- > kejayaan dalam pelaksanaan

3. Kos untuk mendapatkan teknologi audit

- > Semua kos yang berkaitan dengan audit akan ditanggung oleh kerajaan

4. Langkah-langkah untuk mendapatkan Audit Teknologi

- > Syarikat-syarikat yang berminat untuk menjalankan Audit Teknologi dikehendaki mendaftar dengan sekretariat di SIRIM
- > Setelah diluluskan, pakej persediaan akan dihantar kepada syarikat, diikuti oleh lawatan tapak oleh juruaudit.
- > Selepas hasil audit dianalisis, juruaudit akan membuat temu janji lain dengan syarikat untuk membentangkan laporan yang disertakan dengan cadangan untuk tindakan selanjutnya.

# KERATAN AKHBAR

## UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 8

### TARIKH : 12 OGOS 2015 (RABU)

## Kerjasama Institut Fraunhofer, SIRIM untungkan syarikat tempatan

PADA 2 Disember 2014, SIRIM dan Institut Fraunhofer, sebuah organisasi penyelidikan terkemuka di Jerman, telah menjalin kerjasama dengan memeterai Memorandum Persefahaman.

Institut Fraunhofer adalah sebuah organisasi penyelidikan terbesar di Eropah yang terdiri daripada 66 buah institut pelbagai aliran. Penyelidikan Institut Fraunhofer lebih tertumpu kepada penyelidikan guna, iaitu penyelidikan yang khusus memberi manfaat untuk industri atau komersial.

Rangkaian institusi-institusi di bawah Institut Fraunhofer menyumbang kepada kekayaan ilmu dan fasiliti yang dapat membantu penyelidikan di dalam pelbagai aliran.

Penubuhan Institut Fraunhofer bertujuan menggalakkan pembangunan dan aplikasi konsep kerja sains inovatif. Pusat Kompetensi Pengurusan Pembangunan & Penyelidikan (Competence Centre R&D Management) membantu syarikat-syarikat dalam segala aspek pembangunan penyelidikan - dari segi reka bentuk proses kepada penubuhan reka bentuk organisasi *lean* sehinggalah kepada strategi-strategi lestari.

Konsep pengurusan teknologi dan inovasi juga merupakan kepakaran utama bagi pusat ini.

Ketua projek kerjasama ini, **Liza Wohlfart** berkata, dia dan dua lagi rakan sekerjanya iaitu Stephan Schuele dan Erdem Gelec, menggunakan kaedah dan definisi mereka tersendiri untuk memahami inovasi.

Menurutnya, beberapa rangka kerja holistik digunakan bagi membantu syarikat dan industri di dalam aspek inovasi.

Katanya lagi, rangka kerja holistik yang dimaksudkan merangkumi pelbagai aspek termasuk proses inovasi sedia ada serta kompetensi dan kemahiran pekerja. Inovasi merupakan asas paling utama di dalam sesuatu perniagaan.

"Tidak ada perniagaan akan dapat membangun dan berkembang jika tidak menggunakan inovasi," katanya.

Walaupun begitu, beliau mengakui adalah sukar bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengikuti dan mengaplikasikan perkembangan inovasi semasa.

"Kebanyakan syarikat kecil tidak mempunyai sumber atau pelaburan yang besar. Jadi mereka hanya mampu memberikan tumpuan kepada aktiviti harian per-

### Rangka kerja soal selidik audit



Di sinilah rangka kerja holistik Fraunhofer memainkan peranan penting. Berpandukan analisis yang diperoleh tentang sebuah syarikat, rangka kerja Institut Fraunhofer dapat memberikan gambaran kepada syarikat tersebut, tahap inovasi yang telah diaplikasi serta aspek-aspek kekuatan dan kelemahan syarikat, dan faktor potensi untuk penambahbaikan.

"Institut Fraunhofer telah berjaya menubuhkan prastandard mengenai penilaian kemampuan inovasi PKS. Penilaian bermula

syarikat dan menentukan faktor potensi untuk penambahbaikan. Kemudian, berpandukan hasil analisis, syarikat ini akan diberikan pelan tindakan yang menerangkan bagaimana syarikat tersebut boleh maju ke hadapan," kata Wohlfart.

Dengan pengumuman Bajet Malaysia 2015 yang lalu, SIRIM telah diberi mandat oleh kerajaan untuk meningkatkan penembusan teknologi dan menaik taraf PKS Malaysia dengan matlamat untuk meningkatkan produktiviti industri.

Kerjasama di antara SIRIM dan Institut Fraunhofer dapat membekalkan SIRIM dengan kelengkapan secukupnya untuk mempertingkatkan pembangunan PKS dan mencapai matlamat kerajaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM, **Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd Yusof** berkata, pihaknya telah pun mengadaptasi prinsip model penyelidikan guna Institut Fraunhofer kepada Model Inovasi Perindustrian SIRIM dalam melonjakkan inisiatif peningkatan penembusan teknologi dan menaik taraf PKS. Kerjasama dengan Institut Fraunhofer telah membantu SIRIM dalam pembentukan rangka-kerja penilaian teknologi melalui model SIRIM tersebut.

Selain membantu membangunkan rangka kerja penilaian teknologi SIRIM, Institut Fraunhofer juga telah membantu menyediakan SIRIM dalam menjalankan penilaian teknologi ke atas PKS. Bantuan termasuklah dari segi latihan kepada pasukan jurutera dan penyelidik SIRIM yang akan menjalankan audit teknologi.

Setelah audit teknologi dijalankan ke atas PKS, SIRIM akan memberi pelan tindakan kepada syarikat tersebut yang menerangkan kekuatan dan kelemahan syarikat serta perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk penambahbaikan. Audit teknologi ini juga membolehkan syarikat tersebut untuk mendapatkan kemuda-

han melalui program-program sedia ada di SIRIM untuk mempertingkatkan jurang inovasi perniagaan mereka.

Sementara itu, Institut Fraunhofer pula akan mengendalikan bengkel inovasi kepada syarikat-syarikat yang telah menjalani audit teknologi. Antara latihan semasa bengkel tersebut adalah mengajar pemilik perniagaan mengenai asas inovasi serta kaedah praktikal dalam membangunkan perniagaan mereka dan menembusi pasaran baharu.

"Selain itu, kerjasama ini membolehkan syarikat-syarikat PKS tersebut mendapatkan perkhidmatan kepakaran daripada rangkaian 66 buah institut di bawah Institut Fraunhofer di dalam pelbagai jenis bidang," kata Wohlfart.

Mengulas perancangan masa depan, Wohlfart berharap kerjasama dengan SIRIM akan berkekalan dan semakin erat untuk jangka masa yang berpanjangan, sejajar dengan perancangan Institut Fraunhofer dalam meluaskan kehadiran mereka di Asia.

"Dari segi prospek projek, kami amat berpuas hati dengan pencapaian program sehingga kini.

"Kami telah membangunkan penilaian teknologi dan latihan penilaian serta sedang di dalam proses penyediaan kaji selidik pengurusan inovasi yang kami percaya akan memberikan gambaran menyeluruh keadaan semasa PKS di Malaysia," katanya.



LIZA WOHLFART

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 12 OGOS 2015 (RABU)**

## Warning of strong winds, rough seas

**KUALA LUMPUR:** A first category warning has been issued by the Malaysian Meteorological Department as strong southwesterly winds and rough seas occurring in the waters off the Federal Territory of Labuan and Sabah are expected to continue until today. The department in a statement yesterday said the winds, which also included areas in Labuan & Sulu, could reach speeds of 40-50 km per hour and waves up to 3.5m high. "The strong winds and rough seas are dangerous to small craft, recreational sea activities and sea sports," the statement said.

**KERATAN AKHBAR**  
**MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH: 12 OGOS 2015 (RABU)**

## Penang hot by heavy rain and strong winds

**GEORGE TOWN** — The roofing over several units of low-cost flats in Jelutong was blown away during a freak storm yesterday morning caused by strong winds and heavy rain.

Seven units on the top floor of the 20-storey Mutiara Idaman 1 flats were left roofless, forcing some 50 residents to seek shelter elsewhere.

Nurul Khamsiah Samad, 35, who delivered 26 days ago, was helpless when she saw the roof blown away and rain flooding her house.

"We are renting the unit and we have no other place to go. It is cold and I can't

**By Aishah Afandi**  
*aishah@mmail.com.my*

stand seeing my baby in this condition. I don't want him to fall ill," said Nurul Khamsiah, who also has two school-going daughters.

Her husband, Mohd Fadzli Azlan, 30, is concerned about the health and safety of the family.

"I want my family to be safe. My daughters have been absent from school as our house is flooded," he said.

The heavy rain also caused floods in Kampung Nelayan, Teluk Kumbar, which affected 10 houses.

Villager Noor Azli Bahari, 41, blamed a housing project on a nearby hill and poor drainage for the floods.

"This is not the first time flooding has occurred. Every time it rains heavily, our houses are flooded," he said.

An uprooted tree and several branches that fell along Jalan Bukit Gambir on Monday also caused traffic congestion in the area.

No injuries or damage to vehicles were reported.

A Fire and Rescue Department spokesman said seven firemen from Jalan Perak took nearly an hour to remove the tree and branches.

On Saturday, the roofing on several units at the low-cost flats was also blown away.

Lim Chong Leong, 51, died when a tree collapsed on his house in Jalan Perak.

Residents in Penang have been advised to be prepared for heavy rain throughout the week.

The Meteorological Department's weather forecast centre said downpours and thunderstorms would continue to lash the state for the next few days.

# Decisions on PAC today

Cabinet to announce if special sitting will be held for appointments

By MARTIN CARVALHO  
and DESIREE TRESA GASPER  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Cabinet will decide today whether there should be a special sitting of Parliament to appoint a new Public Accounts Committee chairman.

Newly-minted minister in charge of parliamentary affairs Datuk Seri Azalina Othman said the matter of new appointments to replace the vacancies created by the recent Cabinet reshuffle would be brought up for discussion.

"The Cabinet will decide if the appointments will be done at a special sitting or when Parliament convenes as usual," she told *The Star*.

The next Parliament meeting is

scheduled for Oct 19.

She said this when commenting on calls by Backbenchers Club chairman Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Umno vice-president Datuk Seri Hishammuddin Hussein and Umno Youth chief Khairy Jamaluddin that a special sitting should be convened soon to appoint a new PAC head.

The calls were made to ensure there would be no delays in PAC's investigations into the 1Malaysia Development Bhd issue.

The PAC probe came to a halt after its chairman, Datuk Nur Jazlan Mohamed, was appointed Deputy Home Minister.

Three other Barisan Nasional PAC members - Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican and Datuk Mas Ermieyati Samsudin were also

appointed deputy ministers and Datuk Wilfred Madius Tangau as minister - in the reshuffle, forcing them to drop from the PAC.

1MDB's former and current chiefs Datuk Shahrol Halmi and Arul Kanda Kandasamy had been scheduled to testify at the PAC hearings on Aug 4 and 5 but the hearings did not proceed.

Businessman Low Taek Jho or Jho Low, who was linked to 1MDB based on the Auditor-General's interim report on the company, is also scheduled to appear before the PAC on Sept 8.

PAC member Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir urged the Cabinet to convene a special sitting of Parliament to appoint a new PAC chairman.

"The sooner the better," he said.

He said PAC needed a chairman to continue its investigations but added that it was not necessary for replacements for the others because there was sufficient quorum for the committee to carry on its proceedings.

"All we need is a new chairman and three members to continue our work.

"The other appointments are merely for political positioning," he said.

Beside Abdul Aziz, the PAC comprises deputy chairman Dr. Tan Seng Giaw (DAP), Datuk Liang Teck Meng (BN), Hasbi Habibollah (BN), Datuk Wee Jock Seng (BN), Datuk Kamarul Baharin Abbas (PKR), Leong Jee Keen (PKR), Datuk Kamaruddin Jaafar (PKR) and Tony Pua Kiam Wee (DAP).

COMMENT

# Paradigm shift needed in global R&D

## SUSTAINABILITY:

People, profit and planet must receive balanced benefits

Today's R&D, sadly, is too much skewed towards business and commerce.



DR AHMAD IBRAHIM

**T**HE first time I visited Kuching, Sarawak, was in the 1980s. I then worked for the Rubber Research Institute of Malaysia. In the 1980s, Kuching was a small town. I remember that then, the route going to the airport was lined with shops selling the famous Sarawak vases. They were a big hit among visitors. A visit to Sarawak was not complete without taking back a set of the black-and-white vases. They came in many shapes and sizes.

It is different now. Most of the shops that sold vases have more or less disappeared. The few that may still be there are "drowned" by modern shops playing the automobile trade and selling faster-moving items, like smartphones and other telecommunications gadgets. The airport is brand new, while the road to the airport offers much smoother rides. Such modernisation of a once-sleepy Kuching is testimony to the

impressive progress made by the state since becoming part of Malaysia. What has not changed, though, is that we, from the peninsula, have to clear Immigration checks, despite the fact that we are one Malaysia. Hopefully, this will change soon. It would be a pity if the requirement remains, while Asean contemplates doing away with border checks among member nations.

Recently, I was in Kuching to participate in another initiative to push for change. Not just for Sarawak, but for the world. I was there to attend the academy's debut conference, which gathered research and development (R&D) leaders from around the world, who are pushing for a shift in focus for global R&D. Appropriately themed "Injecting Soul into R&D", the inaugural event attracted close to 200 participants, both local and international. Interestingly, the conference assembled an impressive list of speakers, including eminent local personalities and internationally experienced overseas experts. Kudos to the academy for a successful first effort, which attracted the support of the Science, Technology and Innovation Ministry and the just-revived Higher Education Ministry.

The deliberations during the conference proved exciting and thought-provoking. The keynote address by Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, former vice-chancellor of Universiti Sains Malaysia, was about the philosophy of what message "injecting soul into R&D" was sending. He likened "soul" to "conscience". Quoting Mahatma Gandhi and Albert Einstein: "Conscience is the voice of the soul and conscience is a man's compass." To be useful, R&D must have clear directions. It must be clear on the returns and benefits it will bring to society and humanity. Going back in history, R&D undertakings of the past — especially the glory days of Islamic science — had a clear purpose and reason. Today's R&D, sadly, is too much skewed towards business and commerce. In the medical arena, for example, thanks to the power given to patents and other instruments of intellectual ownership, much of humanity, especially the poor, is deprived of the benefits of R&D.

There was a consensus among participants that this had to change. Tan Sri Dr Jemilah Mahmood, founder of Mercy Malaysia, lamented how the world had descended into never-ending conflicts. She cit-

ed worrying statistics about people who were displaced by conflicts and natural disasters, now exceeding 60 million. Every year, the cost from natural disasters globally runs into US\$300 billion (RM1.2 trillion). A major impediment to change is the lack of political will. Take climate change, for example. Despite the prediction that one billion people may be displaced by 2030, the politics of climate change remains unresolved. The first United Nations World Humanities Summit is planned in the near future. The issue of sustainability for the world will no doubt take centre stage.

It is clear that global R&D must be guided by the sustainability agenda. Global investment in R&D must conform to Sustainability Development Goals, which should be finalised soon at the UN. This means that global R&D must deliver balanced benefits to people, profit and planet, the 3Ps of sustainability. Otherwise, we cannot discount major upsets that could disrupt the sustainability agenda. And, all investments in R&D would go to waste.

ahmad.ibrahim@akademisains.gov.my

The writer is a fellow at the Academy of Sciences Malaysia

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 12 OGOS 2015 (RABU)**



**ZUKRI SAMAT** (dua dari kanan) bertukar dokumen dengan **M. Devaraja** selepas majlis menandatangani kemudahan pembiayaan bersindiket untuk **Kerian Energy Sdn. Bhd.** di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, **Mohd. Zamree Mohd. Ishak** (kiri), **Md. Zubir Ansori Yahaya** (tengah) dan **Khairul Kamarudin**.

## Bank Islam fokus pertumbuhan organik, kukuhkan prestasi

Oleh **NUR HANANI AZMAN**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 11 Ogos** - Bank Islam Malaysia Bhd. kini lebih banyak menumpukan kepada pertumbuhan organik dalam usaha mengukuhkan prestasi perniagaan berbanding aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A).

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, Bank Islam tidak mempunyai sebarang perancangan untuk bergabung dengan mana-mana entiti dalam tempoh dua tahun akan datang.

Katanya, bagaimanapun melihat keperluan pada masa hadapan, Bank Islam masih akan mempertimbangkan sebarang potensi M&A yang berupaya melengkapi di antara satu sama lain.

Ujar beliau, segmen perbankan pengguna merupakan kekuatan bagi Bank Islam, justeru kriteria yang dicari adalah syarikat yang mempunyai portfolio kewangan korporat yang kukuh supaya dapat menyokong perniagaan kumpulan.

"Kami mencari syarikat yang boleh mencipta sinergi dan bukan sekadar kerjasama sahaja kerana apabila bergabung, selain menjadi entiti lebih besar kami mahu melengkapi kelemahan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani kemudahan pembiayaan Islam bersindiket bernilai RM121.44 juta di antara Bank Islam dan Kerian Energy Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Kerian Energy, M. Devaraja; Presiden Credit Guarantee Corpora-

tion (CGC), Mohd. Zamree Mohd. Ishak (kiri), Pengarah Urusan Malaysia Debt Ventures Berhad, Datuk Md. Zubir Ansori Yahaya (tengah) dan Pengarah Pembangunan Perniagaan, Bank Islam Malaysia Berhad, Khairul Kamarudin (kanan).

Bank Islam dan Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV) merupakan pembiaya bersama untuk Kerian Energy bagi membina loji janakuasa hidro mini 14 megawatt (MW) di Sungai Kerian.

Kos projek berkenaan dianggarkan bernilai RM167 juta dan ketika ini ia sudah siap 38 peratus serta dijangka memperoleh Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Tariff Galakan (FITCD) pada 30 November 2016.

Kerian Energy melantik Em-rail Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama untuk projek itu.